

KEMPEN iRAKYAT “MOBILE BANKING” 2022**SOALAN-SOALAN LAZIM**

- 1. Siapakah penganjur kempen ini?**
Kempen ini dianjurkan oleh Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat).
- 2. Bilakah kempen ini berlangsung?**
Kempen ini berlangsung dari 1 Januari 2022 hingga 31 Mac 2022.
- 3. Siapakah yang layak menyertai kempen ini?**
Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan baru dan sedia ada Bank Rakyat termasuk wargakerja Bank Rakyat.
- 4. Bagaimanakah cara untuk menyertai kempen ini?**
Pelanggan perlu memuat turun dan mendaftar aplikasi **iRakyat “Mobile Banking”** serta melakukan mana-mana transaksi pembayaran elektronik berikut:
 - a. DuitNow **atau**
 - b. JomPay **atau**
 - c. Pembayaran Bil
- 5. Saya hanya memuat turun aplikasi iRakyat “Mobile Banking”. Adakah saya layak menyertai kempen ini dan berpeluang memenangi hadiah bulanan?**
Tidak. Untuk menyertai kempen ini, pelanggan perlu terlebih dahulu menjadi pengguna berdaftar iRakyat, memuat turun aplikasi **iRakyat “Mobile Banking”**, serta melakukan sekurang-kurangnya **DUA (2)** transaksi pembayaran elektronik sepanjang tempoh kempen berlangsung untuk berpeluang memenangi hadiah bulanan.
- 6. Apakah hadiah yang ditawarkan melalui kempen ini?**
Hadiah yang ditawarkan untuk kempen ini adalah seperti berikut:

Hadiah	Keterangan
Hadiah Bulanan	RM100 x 67 Pemenang x 3 Bulan
Hadiah Utama	RM2,067 x 3 Pemenang
Jumlah Keseluruhan	RM26,301

7. Bagaimanakah pemilihan pemenang dilakukan?**Hadiah Bulanan:**

Pemenang bulanan bagi kempen ini akan dipilih secara rawak menerusi sistem undian berkomputer.

Hadiah Utama:

Pelanggan dengan bilangan transaksi pembayaran elektronik terkumpul yang tertinggi sepanjang tempoh kempen berlangsung akan dikira sebagai pemenang.

8. Bagaimanakah pemenang kempen ini akan dimaklumkan?

Pemenang akan dimaklumkan selepas kempen tamat menerusi laman sesawang Bank Rakyat atau lain-lain medium atau cara yang dirasakan sesuai oleh Bank Rakyat.

9. Bilakah hadiah akan diterima oleh pemenang?

Hadiah akan diterima oleh pemenang dalam masa **30 hari** selepas pengumuman dibuat.

10. Bagaimana hadiah akan diterima oleh pemenang?

Hadiah akan dikreditkan ke Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i Bank Rakyat milik pemenang.

11. Bolehkah hadiah dipindah milik atau dituntut oleh pihak ketiga?

Tidak boleh.

12. Bolehkah hadiah dikreditkan ke akaun bank lain milik pemenang?

Tidak boleh.

13. Adakah saya boleh memenangi lebih dari satu hadiah untuk kempen ini?

Tidak boleh.

14. Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i Bank Rakyat saya telah ditutup atau tidak aktif selepas senarai nama pemenang diumumkan secara rasmi. Adakah gugur kelayakan saya sebagai pemenang?

Tidak. Kemenangan anda masih sah. Anda perlu:

- i. Membuka Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i yang baru atau
- ii. Mengaktifkan Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i sedia ada yang tidak aktif.

Pemenang dianggap tidak berminat sekiranya tiada tindakan dilakukan selepas makluman tarikh yang ditetapkan dan hadiah tersebut akan dilupuskan/dilucut hak oleh pihak Bank.

15. Adakah saya layak untuk menerima hadiah kempen jika saya berstatus muflis, akaun dibekukan atau disenarai hitam?

Tidak layak dan gugur kelayakan penyertaan kempen.

16. Di manakah maklumat lanjut berkaitan kempen ini boleh didapati?

Maklumat lanjut berhubung kempen ini boleh didapati di:

- a) Laman sesawang Bank Rakyat di www.bankrakyat.com.my
- b) Perbankan Internet Bank Rakyat di www.irakyat.com.my
- c) Pusat Panggilan: 1 300 80 5454
- d) Laman sosial Bank Rakyat (Facebook/Instagram/Twitter)